

23 MAR 1996

Mahathir-Teknologi

PEMINDAHAN TEKNOLOGI DALAM INDUSTRI AUTOMOBIL BELUM MEMUASKAN

TAIPING, 23 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menasihatkan syarikat-syarikat tempatan supaya tidak mengambil pekerja yang suka melompat tempat kerja kerana itu akan membantut usaha pemindahan teknologi.

"Pekerja-pekerja seperti katak ini, asalkan diberi gaji lebih tinggi akan kerap tukar kerja tetapi tidak akan mampu untuk menjalankan kerja dengan baik," katanya kepada pemberita selepas melawat projek pembangunan bandar Tasik Bukit Merah berharga RM1,000 juta terletak 15km dari sini.

Perdana Menteri berkata beliau masih tidak berpuashati dengan pemindahan teknologi di negara ini terutama dalam industri automobil.

"Kita mahu pemindahan teknologi yang lebih lagi kerana ada butir-butir yang lebih terperinci yang belum dipindahkan," katanya.

Mengenai pembangunan projek bandar Tasik Bukit Merah, Dr Mahathir berkata beliau berpuashati dengan perkembangan projek tersebut tetapi mengingatkan pemajunya supaya memastikan alam sekitar di situ terus dipelihara.

Katanya mereka tidak sepatutnya menebang pokok atau memotong bukit untuk menyesuaikan alam sekitar dengan pelan projek tetapi sebaliknya hendaklah menyesuaikan pelan dengan alam sekitar.

Beliau berkata projek yang berjalan sejak sembilan bulan itu adalah menggalakkan dengan pelbagai pembangunan yang telah mula dijalankan.

Ditanya mengenai baki pendatang haram Vietnam di Kuala Lumpur, beliau berkata kerajaan tidak menetapkan satu tempoh bagi mereka dipulangkan ke negara asal memandangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh Vietnam.

Pada lawatan dua jam setengah itu, Perdana Menteri diberi taklimat oleh pengerusi Emkay Group Datuk Mustapha Kamal Abu Bakar mengenai projek yang dimajukannya itu dan dibawa melawat ke kawasan pembinaan termasuk tasik.

Dr Mahathir juga melepaskan anak-anak ikan ke tasik tersebut.--BERNAMA

HK MAI